


BENGKEL PENYEDIAAN FASILITATOR PROGRAM DIDIK CEMERLANG

Oleh ; Aizatul Akma Wani Ariffin



Pada 14 Februari lalu, Unit Latihan & Pembangunan Pelajar, HEPA telah mengadakan satu bengkel penyediaan fasilitator Program Didik Cemerlang peringkat Negeri Perlis. Matlamat penyediaan bengkel ini adalah untuk menyediakan barisan fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa UniMAP yang akan menjadi fasilitator kepada para pelajar sekolah yang cemerlang di sekitar negeri Perlis.

Bengkel sehari ini adalah merupakan pendedahan awal kepada peserta mengenai ilmu kefasilitatoran. Dikendalikan oleh 3 orang penceramah iaitu En. Raja Shah Erman Raja Ariffin, En. Mohd Syafiq Dahlan dan juga En. Sudin Sarmin. Antara pengisian yang diterapkan adalah pengenalan program didik cemerlang, prestasi pelajar-pelajar melayu dan juga etika-etika kefasilitatoran.

Sesi penutup bengkel sehari ini telah dijayakan oleh En. Razli Ahmad, Dekan HEPA, Universiti Malaysia Perlis.